



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM KOMITED KE ARAH ASEAN YANG INKLUSIF, AMAN DAN MAMPAN MELALUI HAK UNTUK PEMBANGUNAN, KEAMANAN DAN ALAM SEKITAR YANG SIHAT

PUTRAJAYA, 31 OKT – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyambut baik penerimaan pakai dua dokumen penting semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 pada 26 Oktober 2025, iaitu *ASEAN Declaration on Promoting the Right to Development and the Right to Peace Towards Realising Inclusive and Sustainable Development* and *ASEAN Declaration on the Right to a Safe, Clean, Healthy and Sustainable Environment*.

Sebagai **Pengerusi *ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC)*** serta *focal point* Malaysia bagi *the ASEAN Committee on Women (ACW)* dan *Senior Officials Meetings on Social Welfare Development (SOMSWD)*, KPWKM memainkan peranan utama dalam memacu pelaksanaan agenda serantau yang berpaksikan kepada rakyat, keluarga dan komuniti. Usaha kementerian mencerminkan inti pati kedua-dua deklarasasi tersebut iaitu membangunkan dasar dan inisiatif yang berasaskan **hak asasi, responsif gender, inklusif dan mampan** selari dengan tema Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 iaitu Keterangkuman dan Kemampanan (*inclusivity and sustainability*).

KPWKM turut berperanan sebagai agensi peneraju nasional bagi pelaksanaan tiga triti utama hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), Konvensyen mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW), dan Konvensyen mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD). Peranan ini mengukuhkan kedudukan KPWKM sebagai pemacu utama agenda hak asasi, kesaksamaan gender dan inklusiviti sosial di peringkat nasional dan serantau.

Pelancaran **Pelan Tindakan Nasional mengenai Wanita, Keamanan dan Keselamatan (*National Action Plan on Women, Peace and Security – NAP WPS*) 2025–2030** pada awal September 2025, membuktikan kesungguhan Malaysia untuk menterjemah komitmen ASEAN ke arah tindakan nyata di peringkat nasional. Pelan ini menegaskan penyertaan wanita secara bermakna dalam pembinaan keamanan, pencegahan konflik dan proses pemulihan, selaras dengan semangat Deklarasi ASEAN mengenai Hak untuk Keamanan.

Dalam masa yang sama, KPWKM sedang membangunkan **Kerangka Ekonomi Penjagaan Nasional** yang bertujuan mengiktiraf dan memperkasa sektor penjagaan sebagai pemangkin utama pembangunan inklusif dan mampan. Inisiatif ini selaras dengan Deklarasi ASEAN mengenai Hak terhadap Alam Sekitar yang Selamat, Bersih, Sihat dan Mampan, dengan menekankan hubungan rapat antara penjagaan, kesejahteraan dan kelestarian alam sekitar. Kesan perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar amat dirasakan oleh penjaga, keluarga, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU), wanita dan kanak-kanak. Oleh itu, sistem penjagaan yang berdaya tahan dan inklusif amat penting untuk memastikan kesejahteraan komuniti terpelihara demi masa hadapan yang lestari.

Di bawah kepimpinan Malaysia dalam pelbagai badan sektoral ASEAN, KPWKM akan terus memperkukuh kerjasama merentasi tiga tonggak utama — wanita dan kanak-kanak (ACWC), pemerkasaan gender (ACW) dan kebajikan sosial (SOMSWD) bagi mengarus-perdanakan prinsip-prinsip kedua-dua deklarasi ini dalam agenda ASEAN pasca-2025. Antara keutamaan ialah (i) Menggalakkan pendekatan **berpandukan hak asasi, gender dan kanak-kanak** dalam keamanan dan pembangunan; serta (ii) Memperkukuh **sistem perlindungan sosial dan dasar penjagaan** yang menjamin maruah dan kesejahteraan semua lapisan masyarakat;

Selaras dengan aspirasi Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 ini, KPWKM akan terus memperjuangkan inisiatif yang menggabungkan dimensi keamanan, penjagaan dan kelestarian.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
31 Oktober 2025**